

DATE: 01/09/2007

Holografi imbas detik awal merdeka

KUALA LUMPUR 31 Ogos - Sejarah silam 50 tahun lalu 'dihidupkan' kembali malam ini, dengan seluruh rakyat Malaysia menyaksikan 'Tunku Abdul Rahman Putra' membacakan perisytiharan kemerdekaan negara di Stadium Merdeka di sini.

Holografi, teknik penjelmaan imej yang dicetuskan oleh kecanggihan teknologi moden, dengan jelas menjelmakan paparan skrol yang mengandungi Perisytiharan Kemerdekaan, diberikan kepada Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman, yang selepas membacanya, mengetuai seluruh rakyat melauatkan tujuh kali laungan keramat - 'Merdeka'.

Pada masa yang sama juga, kata-kata keramat itu turut bergema di Stadium Merdeka, dengan laungan diketuai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kebangkitan negara, dari sebuah negara pertanian dengan separuh daripada penduduknya hidup dalam kemiskinan menjadi sebuah negara industri moden dan berada dalam kelompok 20 negara perdagangan dunia, digambarkan dengan penggunaan kesan visual moden sepenuhnya, untuk menjelmakan realiti masa silam.

Padang bola sepak Stadium Merdeka menjadi skrin besar bagi projektor format luas, manakala skrin dengan panorama indah ditempatkan hampir suku daripada perimeter stadium.

Pengunjung stadium jelas terpegun dan terpesona dengan paparan holografik yang dihasilkan, yang menampilkan imej gergasi Tunku Abdul Rahman dan Perdana Menteri selepasnya, dengan pencapaian cemerlang di bawah pentadbiran setiap dari mereka turut dikisahkan.

Ditambah reka bentuk stadium yang dikembalikan kepada bentuk asal saat negara diisytihar merdeka, semangat Merdeka yang membara 50 tahun lalu dapat dirasakan oleh setiap pengunjung peraya-

an raksasa Merdeka itu.

Selesai laungan merdeka, penonton diajak menyusuri nostalgia era kepimpinan Perdana Menteri terdahulu melalui persembahan slaid, cahaya, holografi dan tariantarian yang mencerminkan kegemilangan Perdana Menteri terdahulu.

Bermula dengan era Tunku Abdul Rahman yang menjadikan kemerdekaan sebagai tema persembahan, ia disusuli dengan aksi akrobatik yang mendebarkan dalam persembahan *tatoo* oleh kira-kira 300 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Era Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Allahyarham Datuk Hussein Onn kemudian mengisi slot kedua dengan pembangunan pertanian sebagai tema serta persembahan tarian bertajuk Buku Hijau dan Felda yang dipersembahkan oleh kira-kira 1,000 orang guru di sekitar Lembah Klang, disusuli tarian yang bertemakan perpaduan kaum oleh kira-kira 2,000 guru.


Pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad menyusul selepas itu dengan pembangunan infrastruktur sebagai tema, dan 770 pelajar menampilkan persembahan pancaragam bagi segmen itu, dan ia diakhiri dengan persembahan yang mewakili era pemimpin kini, Abdullah.

Selama kira-kira 15 minit tema persembahan iaitu pembangunan modal insan disampaikan melalui persembahan gimrama oleh 1,500 orang ahli Persatuan Sokka Gakkai.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin, Abdullah dan menteri-menteri kabinet menghadiri majlis malam ini.

Acara sambutan diakhiri dengan persembahan bunga api serta nyanyian lagu patriotik antaranya *Tanggal 31 Ogos, Malaysia Berjaya* dan *Jalur Gemilang* serta persembahan joget merdeka oleh 6,000 orang.

- Bernama



SEBAHAGIAN daripada holografi yang menunjukkan detik perisytiharaan kemerdekaan negara oleh Tunku Abdul Rahman yang dipersembahkan sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-50 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, malam tadi.